

**PRK Kuala Besut: 8 Sekolah Dibenarkan Cuti Berganti
Bernama
22 Julai, 2013**

KUALA BESUT, 22 Julai (Bernama) -- Lapan buah sekolah yang digunakan sebagai pusat mengundi pada 24 Julai ini sempena pilihan raya kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Besut diberikan cuti berganti.

Timbalan Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu (JPNT), Hashim Mohd Zin berkata lapan sekolah itu melibatkan seramai 4,727 pelajar dan cuti tersebut akan diganti pada Sabtu, 7 Sept ini.

"Semua sekolah itu dibenarkan bercuti pada hari Rabu ini namun akan diganti semula untuk menggantikan semula waktu persekolahan yang tertinggal," katanya ketika dihubungi di sini Isnin.

Menurutnya sekolah yang terlibat ialah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kuala Besut, Sekolah Kebangsaan (SK) Pulau Perhentian, SK Kuala Besut, SK Kampung Nail, SK Alor Peroi, SK Kampung Nangka, SK Kampung Baharu dan SK Bukit Puteri.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=965196>